

13 JAN 1998

Mahathir-Roth

MAHATHIR DAN AHLI KONGRES AMERIKA BINCANGKAN KRISIS EKONOMI

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan perbincangan sejam dengan pengerusi Jawatankuasa Kewangan Kongres Amerika Syarikat William Roth mengenai kerjasama antara Malaysia dan Amerika Syarikat untuk mengatasi krisis ekonomi yang melanda Asia Tenggara sekarang.

Mereka bagaimanapun tidak mengesyorkan sebarang cadangan khusus, kata Setiausaha Bahagian Kementerian Luar bagi Asia Tenggara dan Pasifik Selatan Mohamed Arshad M. Hussain selepas pertemuan itu.

Beliau berkata Dr Mahathir menjelaskan kepada Roth mengenai langkah-langkah yang diambil Malaysia untuk menangani masalah ekonomi.

Dr Mahathir juga mengulangi keengganan Malaysia untuk menerima bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) selepas Roth memberitahu beliau bahawa IMF bersedia memainkan peranan sekiranya Malaysia memerlukan bantuan.

Roth tidak mencadangkan sebarang bantuan yang boleh diberikan oleh kerajaan Amerika Syarikat kepada Malaysia untuk menangani keadaan itu, katanya.

"Ada pertukaran pendapat mengenai cara bagaimana Amerika Syarikat boleh membantu mengatasi krisis ekonomi itu. Bagaimanapun, saya tidak dapat mendedahkan perkara itu," katanya.

Perbincangan itu, katanya, tidak bertumpu kepada negara-negara Asia yang lain kerana anggota kongres itu membuat kunjungan hormat ke atas Dr Mahathir selepas menghadiri Dialog Pasifik keempat yang berakhir di sini hari ini.

Arshad berkata Roth dan Dr Mahathir juga membincangkan mengenai kehadiran pasukan tentera Amerika Syarikat di rantau ini.

Dr Mahathir menekankan bahawa Malaysia tidak mahu peningkatan kehadiran tentera kerana ia akan mencetuskan kebimbangan di rantau ini.

Roth diiringi oleh dua orang penolong pada rundingan itu yang turut dihadiri Duta Amerika Syarikat di sini John Malott. -- BERNAMA

RA AKD